

# ANALISA PERBELANJAAN MAKANAN, PERLINDUNGAN DAN PENGANGKUTAN BAGI PENDUDUK BUJANG DI NEGERI PULAU PINANG

‘Imaaduddin Abdul Halim<sup>1</sup>, \*Saiful Nizam Warris<sup>2</sup>, Muhammad Che Saad<sup>3</sup>, Hisyam Mohd Radzi<sup>4</sup>,  
Dahlan Abdullah<sup>5</sup> and Ahmad Zia Ul-Saufie<sup>6</sup>  
[imaaduddin@uitm.edu.my](mailto:imaaduddin@uitm.edu.my)<sup>1</sup>, [saiifulwar@uitm.edu.my](mailto:saiifulwar@uitm.edu.my)<sup>2</sup>, [muhammad247@uitm.edu.my](mailto:muhammad247@uitm.edu.my)<sup>3</sup>,  
[hisyammr@uitm.edu.my](mailto:hisyammr@uitm.edu.my)<sup>4</sup>, [dahla707@uitm.edu.my](mailto:dahla707@uitm.edu.my)<sup>5</sup>, [ahmadzia101@uitm.edu.my](mailto:ahmadzia101@uitm.edu.my)<sup>6</sup>

<sup>1,3,4</sup> Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),

<sup>2</sup> Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),

<sup>5</sup>Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

<sup>6</sup>Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM),  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

*\*Corresponding author*

## ABSTRAK

*Satu kajian telah dilakukan untuk analisa perbelanjaan penduduk bujang beragama Islam di negeri Pulau Pinang. Kajian ini dilakukan bertujuan mengenalpasti kos perbelanjaan meliputi makanan, perlindungan dan pengangkutan kerana ia merupakan perbelanjaan yang dominan. Metodologi kajian berasaskan kepada soal selidik yang diedarkan kepada oleh enumerator bagi memastikan responden kajian adalah bujang dan beragama Islam. Hasil kajian mengkategorikan perbelanjaan mengikut julat umur responden. Hasil kajian juga dapat membantu pihak berkuasa untuk dapatkan gambaran sebenar perbelanjaan penduduk bujang Islam di Pulau Pinang.*

**Keywords:** *bjang, perbelanjaan, Pulau Pinang*

## Pengenalan

Kajian analisa perbelanjaan penduduk bujang Islam di negeri Pulau Pinang bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar perbelanjaan yang dibelanja oleh golongan ini. Hasil kajian ini dapat membantu pihak berkuasa untuk menyelaraskan semula atau semakan semula kadar bantuan.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti jumlah perbelanjaan makanan
- ii. Menenalpasti jumlah perbelanjaan perlindungan meliputi bil utiliti
- iii. Menenalpasti jumlah perbelanjaan pengangkutan

Jumlah perbelanjaan yang didapati adalah jumlah perbelanjaan bulanan.

## **Sorotan Kajian**

Setakat penelitian pengkaji berkenaan sorotan kajian yang dilakukan, terdapat beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Hubungan antara teori kajian-kajian terdahulu dijadikan rujukan untuk diisi oleh kajian ini.

Kajian yang dilakukan Norshuhada Bukhari dan Norizan Rameli (2021) telah menganalisis perbelanjaan belia kumpulan B40 serta M40 yang menetap di bandar berdasarkan keperluan tertentu. Ia memberikan gambaran yang komprehensif mengenai perbelanjaan belia kumpulan B40 dan M40 yang menetap di bandar. Dapatan kajian ini memberikan beberapa yang melibatkan beberapa kepentingan keperluan utama. Ini termasuklah dalam menghadapi cabaran kehidupan bandar, belia B40 dan M40 memberikan keutamaan kepada keperluan penting seperti perlindungan, kesihatan, dan keperluan-keperluan asas. Selain itu kajian mencatatkan bahawa walaupun tempat tinggal merupakan keperluan asas, kos sara hidup yang tinggi di bandar menyebabkan banyak belia memilih untuk menyewa berbanding membeli rumah. Perbelanjaan belia juga dipengaruhi oleh pendapatan yang terhad, dan keperluan seperti perlindungan dan kesihatan dapat dipertingkatkan dengan adanya lebih wang hasil kos perbelanjaan bagi tujuan perumahan yang lebih rendah. Kajian ini juga menyatakan bahawa kesibukan mencari wang dapat menyebabkan kurangnya penekanan terhadap keperluan masa lapang walaupun kehidupan bandar menawarkan pelbagai bentuk hiburan. Secara tidak langsung menggambarkan tahap survival yang tinggi bagi belia kumpulan B40 dan M40 di bandar. Walaupun belia mempunyai pendapatan terhad, amalan nilai-nilai kekeluargaan masih diutamakan, dan golongan belia ini terus berbakti kepada keluarga.

Selain itu, kajian Nur Jannah Bukhari et al. (2021) memberikan fokus kepada analisis perbelanjaan belia kumpulan B40 dan M40 di Kuala Lumpur dengan penekanan pada keperluan tertentu seperti keperluan asas, perlindungan dan kesihatan, keluarga, agama, dan masa lapang. Kajian mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara perbelanjaan belia kumpulan B40 dan M40 di Kuala Lumpur. Ini mungkin menunjukkan adanya kesamaan dalam gaya hidup dan keperluan di antara kedua kumpulan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan keutamaan ketika berbelanja, yang dipacu oleh keinginan untuk menjamin kelangsungan hidup di bandar. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti harga rumah yang tinggi di bandar dapat mempengaruhi keputusan perbelanjaan bagi keperluan perumahan. Di samping itu, walaupun pemilikan rumah sering menjadi perbincangan utama dalam kajian perbelanjaan, kajian ini menyatakan bahawa perbelanjaan bagi keperluan perumahan, terutamanya untuk membeli rumah, bukanlah penyumbang utama dalam keseluruhan perbelanjaan. Rumusannya, kajian ini memberikan pandangan yang jelas mengenai perbelanjaan belia kumpulan B40 dan M40 di Kuala Lumpur, dengan mengidentifikasi keutamaan-

keutamaan yang mempengaruhi pola perbelanjaan mereka, terutamanya dalam konteks kehidupan bandar yang mencabar.

Seterusnya, menurut Nik Fakrulhazri dan Azemi Che Hamid (2016) keseluruhan purata pendapatan belia di Pantai Timur menunjukkan purata perbelanjaan golongan itu secara keseluruhannya lebih tinggi berbanding dengan pendapatan. Selain itu, keseluruhan perbelanjaan belia di Pantai Timur memberi tumpuan utama kepada urusan pembelian makanan, diikuti dengan perbelanjaan melibatkan pendidikan, ketiga pengangkutan, diikuti dengan pakaian dan pembayaran bil telefon. Berdasarkan analisis korelasi menunjukkan wujud hubungan signifikan yang positif antara jumlah pendapatan dengan skor kualiti hidup belia di Pantai Timur. Berdasarkan kepada isu ini, pengkaji telah menyarankan agar kelompok belia harus mempelbagaikan sumber pendapatan selain daripada melibatkan diri dengan aktiviti perniagaan dan menjadi usahawan muda dalam meningkatkan pendapatan utama dan sampingan.

Kajian yang dilakukan oleh Nooriah Yusof dan Zakiyah Jamaluddin (2018) telah membincangkan persepsi penghuni di perumahan kos rendah dan sederhana dalam bandar di Pulau Pinang terhadap kemampuan menanggung kos perbelanjaan perumahan pada masa kini dan masa hadapan serta kesannya terhadap kesejahteraan hidup mereka. Hasil kajian mendapati majoriti responden memperuntukkan lebih daripada 30 peratus daripada pendapatan mereka untuk kos perbelanjaan perumahan dan menganggap ianya adalah membebankan. Malahan terdapat segelintir responden yang tidak dapat membuat bayaran tepat pada masanya dan kesannya mmereka terpaksa mengawal perbelanjaan, mendapatkan pinjaman daripada pihak lain atau melakukan pekerjaan tambahan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Impak berlakunya fenomena sosial sebenarnya boleh memberi kesan terhadap kualiti hidup masyarakat. Penduduk berpendapatan rendah dan sederhana ternyata menerima kesan ketara apabila kos perbelanjaan perumahan menjadi semakin mahal dan membebankan.

Kajian oleh Wijaya Kamal Ramlan et al. (2018) menyoroti aspek-aspek penting berkaitan corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja golongan belia di Malaysia. Corak perbelanjaan belia memberikan tumpuan kepada jenis-jenis perbelanjaan yang menjadi fokus kajian. Pemaparan tentang jenis perbelanjaan yang dominan memberikan gambaran mengenai gaya hidup dan keperluan belia di Malaysia. Kajian ini juga mengupas keutamaan jenis perbelanjaan kepada individu dan status kemampuan berbelanja belia untuk item-item tertentu menjadi fokus perbincangan. Ini mencerminkan sejauh mana belia dapat memenuhi keperluan dan keinginan mereka dengan pendapatan yang dimiliki. Perbincangan tentang ketidakmampuan belia dalam menyara kos perbelanjaan menjadi suatu isu yang penting di samping faktor-faktor demografi seperti lokasi dan negeri yang diduduki belia juga turut dikaitkan dengan ketidakmampuan tersebut. Para belia seharusnya mempunyai pengetahuan kewangan,

kesedaran dan persediaan agar dapat membantu mereka dengan lebih baik dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang tinggi.

Rumusannya, terdapat lompong yang boleh diisi oleh kajian ini melalui analisa perbelanjaan makanan, perbelanjaan makanan, perlindungan dan pengangkutan bagi negeri penduduk bujang di negeri Pulau Pinang. Ini kerana beberapa kajian yang ditemui setakat penelitian penulis lebih memfokuskan golongan belia berbanding golongan bujang.

### Metodologi Kajian

Metodologi kajian menggunakan kaedah soal selidik yang mempunyai 3 kategori utama iaitu makanan, perlindungan dan pengangkutan. Soal selidik ini diedarkan oleh enumerator bagi memastikan responden memenuhi kriteria. Seramai 44 responden telah disoal selidik yang terdiri daripada 37 lelaki dan 7 perempuan yang terdiri daripada pelbagai tahap pendidikan.

### Demografi Responden

Demografi responden dikategorikan mengikut umur (Jadual 1), jantina (Jadual 2), tahap pendidikan (Jadual 3) dan jenis pekerjaan (Jadual 4).

Jadual 1: Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan
20 – 29	23
30 – 39	14
melebihi 40	7

Jadual 2: Responden Mengikut Jantina

Umur	Bilangan
Lelaki	37
Perempuan	7

Jadual 3: Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Umur	Bilangan
SPM	1
Diploma	9
Ijazah Sarjana Muda	6
Ijazah Sarjana	13
PhD	15

Jadual 4: Responden Mengikut Jenis Pekerjaan

Umur	Bilangan
Penjawat Awam	12
Swasta	25
Bekerja Sendiri	7

## Hasil Kajian

### Makanan

Jumlah perbelanjaan makanan boleh dirujuk di jadual 5, didapati yang kategori umur melebihi 40 tahun mempunyai jumlah belanja makanan yang terendah, manakala kategori umur 30 – 39 tahun mempunyai jumlah belanja makanan yang tertinggi.

Jadual 5: Jumlah Perbelanjaan Makanan Mengikut Kategori Umur

Umur	Jumlah Bulanan (RM)
20 – 29	629
30 – 39	693
melebihi 40	507

### Perlindungan

Jumlah perbelanjaan perlindungan dipecahkan kepada 3 kategori iaitu ansuran kediaman (Jadual 6), kadar sewa (Jadual 7) dan bil utiliti (Jadual 8). Bagi ansuran kediaman, didapati kategori 20 - 29 tahun tidak mempunyai sebarang komitmen, manakala kategori umur melebihi 40 tahun mempunyai kadar ansuran bulanan yang tertinggi.

Jadual 6: Jumlah Perbelanjaan Ansuran Kediaman Mengikut Kategori Umur

Umur	Jumlah Bulanan (RM)
20 – 29	0
30 – 39	507
melebihi 40	990

Manakala, bagi kadar sewa bulanan, kategori umur 20 – 29 mempunyai jumlah tertinggi dan kategori 30 – 39 tahun mempunyai jumlah yang terendah.

Jadual 7: Jumlah Perbelanjaan Kadar Sewa Kediaman Mengikut Kategori Umur

<b>Umur</b>	<b>Jumlah Bulanan (RM)</b>
20 – 29	344
30 – 39	253
melebihi 40	285

Bagi bayaran bil utiliti, kategori melebihi umur 40 tahun mempunyai jumlah tertinggi dan kategori 20 – 29 tahun mempunyai jumlah yang terendah.

Jadual 8: Jumlah Perbelanjaan Bil Utiliti Mengikut Kategori Umur

<b>Umur</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
20 – 29	87
30 – 39	125
melebihi 40	193

### **Pengangkutan**

Jumlah perbelanjaan pengangkutan boleh dirujuk di jadual 9, didapati yang kategori umur melebihi 20 - 29 tahun mempunyai jumlah perbelanjaan pengangkutan yang terendah, manakala kategori umur 30 – 39 tahun mempunyai jumlah perbelanjaan pengangkutan yang tertinggi.

Jadual 9: Jumlah Perbelanjaan Pengangkutan Mengikut Kategori Umur

<b>Umur</b>	<b>Jumlah Bulanan (RM)</b>
20 – 29	1172
30 – 39	2008
melebihi 40	1796

### **Kesimpulan**

Kesimpulan daripada hasil kajian ini adalah seperti di jadual 10. Hasil kajian dipecahkan kepada 2 kategori iaitu rumah sendiri (ansuran kediaman) dan rumah sewa (kadar sewa).

Hasil kajian mendapati perbelanjaan tertinggi adalah kategori umur melebihi 40 tahun dengan rumah sendiri iaitu sebanyak RM3486 sebulan, manakala yang terendah adalah kategori umur 20 – 29 tahun dengan rumah sendiri sebanyak RM1888 sebulan, ini adalah kerana mereka tidak mempunyai

komitmen untuk membayar ansuran bulanan disebabkan keseluruhan responden kategori umur ini tinggal di rumah keluarga atau menyewa.

Purata perbelanjaan bulanan bagi rumah sendiri adalah sebanyak RM2902 dan bagi rumah sewa adalah sebanyak RM2697. Boleh disimpulkan bahawa anggaran purata perbelanjaan bulanan adalah sebanyak RM2800.

Jadual 10: Jumlah Perbelanjaan Penduduk Bujang Islam di Negeri Pulau Pinang

Umur	Jumlah Bulanan	Jumlah Bulanan
	Rumah Sendiri (RM)	Rumah Sewa (RM)
20 – 29	1888*	2232
30 – 39	3333	3079
melebihi 40	3486	2781
<b>Purata</b>	2902	2697

\*Tiada komitmen bulanan ansuran kediaman kerana tinggal bersama keluarga atau menyewa.

#### Rujukan:

- Ahmad, S. & Md Nor, A. H. (2002). *Zakat membangun ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Bukhari, N. & Rameli, N. (2021). Pola perbelanjaan belia B40 dan M40 di bandar. *Human Sustainability Procedia*, 1(2). 31-41.
- Bukhari, N. J., Yunus, M. D. & Hyun, K. K. (2021). Pola perbelanjaan belia Melayu B40 dan M40 di Kuala Lumpur. *Melayu, Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1). 45-68.
- Hassan, N. F. N. & Hamid, A. C. (2016).Tren perbelanjaan belia dan hubungan dengan kualiti hidup. *Prosiding Perkem Ke-11*. 516 – 522.
- Yusof, N. & Jamaluddin, Z. (2018). Kos perbelanjaan perumahan dalam kalangan penduduk kawasan perumahan kos rendah dan sederhana di Pulau Pinang. *Akademika*, 88(1). 167-179.
- Ramlan, W. K., Janice L. H. N, Idris, R. & Jinideh, D. D. J (2018). Corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja golongan belia di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 18. 7-28.